| Headline | Nature Profusion lebih agresif teroka segmen industri | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 11 Mar 2019 | Color | Full Color |
| Section | Bisnes | Circulation | 69,985 |
| Page No | 23,26 | Readership | 209,955 |
| Language | Malay | ArticleSize | 863 cm² |
| Journalist | Nasuha Badrul Huzaini | AdValue | RM 29,748 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 89,245 |







# NATURE PROFUSION

lebih agresif teroka segmen industri

Ms.26

# Nature Profusion lebih agresif teroka segmen industri



[FOTO ROSDAN WAHID/BH]

NADI BIZ

**Syarikat hasilkan produk pencuci mesra alam guna teknologi FRIM, MTDC**

**Oleh Nasuha Badrul Huzaini**
nasuha@bh.com.my

Daripada seorang pemuda lepasan ijazah yang sedang mencari peluang kerjaya, Mohd Ramdan Parman tidak menyangka penyertaannya dalam program FRIM-MTDC Bio-Usahawan Siswazah ternyata mengubah haluan kerjaya dalam hidupnya.

Pemuda berusia 34 tahun itu terpilih sebagai peserta ambilan pertama program berkenaan yang dianjurkan dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC).

Bercerita lebih lanjut mengenainya, Mohd Ramdan berkata, ketika menyertai program berkenaan pada pertengahan 2008, beliau mengenali peserta lain antaranya Wan Sabariah Shuib.

Walaupun saling tidak mengenali sebelum ini, hubungan persahabatan yang dibina pada program berkenaan memberikan keberanian kepada mereka berdua untuk sama-sama menubuhkan syarikat yang dikenali sebagai Nature Profusion Sdn Bhd (Nature Profusion)

Nature Profusion ditubuhkan pada 26 Disember 2008 dan ia mengkomersialkan teknologi dari FRIM dan MTDC. Ia mengeluarkan rangkaian produk pencuci serbaguna di bawah jenama Ciera.

Mohd Ramdan berkata, beliau bersama rakan kongsinya itu membuat keputusan untuk mengguna pakai teknologi yang dibangunkan oleh penyelidik FRIM iaitu Dr Mastura Mohtar.

"Daripada jalinan kerjasama itu, kami menghantar pelan perniagaan kepada MTDC untuk penilaian mereka dan seterusnya berjaya memperoleh dana bernilai RM1.038 juta yang diberikan secara berperingkat.

"Kami menggunakan dana berkenaan untuk menghasilkan produk pencuci serbaguna dengan teknologi antibakteria dari ekstrak aloe vera dan teh hijau.

"Tujuan utama kami memilih teknologi mesra alam bagi produk pencuci adalah kerana kami mahu menggantikan penggunaan triklosan dan triklokarbon yang masih digunakan secara meluas di negara ini.

## Ganti produk tidak selamat

"Penggunaan kedua-dua bahan berkenaan mudah didapati di dalam produk pencuci sebagai pengawet dan agen antibakteria tetapi kajian menunjukkan bahan berkenaan sebenarnya tidak selamat dan menyebabkan risiko yang besar terhadap manusia dan juga alam sekitar," katanya ketika ditemui di pejabat Nature Profusion, dekat Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Ketika ditanya mengenai kesukaran yang dihadapi dalam membangunkan perniagaannya, Mohd Ramdan berkata, memandangkan beliau dan Wan Sabariah mempunyai perwatakan yang berbeza, mereka banyak berselisih faham ketika membincangkan mengenai hala tuju perniagaan.

"Bagaimanapun, kami tidak menganggapnya sebagai satu masalah kerana ia menjadikan personaliti kami saling melengkapi. Ia bagus untuk syarikat kerana kami boleh sentiasa 'semak dan imbang'.

"Kesukaran kami sebenarnya lebih kepada kurangnya bimbingan daripada mereka yang betul-betul berada dalam industri. Pada awal penubuhan, FRIM memberi banyak bantuan daripada aspek penyelidikan dan MTDC pula membantu dari segi dana," katanya.

Bercerita mengenai produk Ciera, Mohd Ramdan berkata, sejak mula dipasarkan pada 2012, jenama berkenaan sudah mempunyai sebanyak 13 unit simpanan stor (SKU).

Ia termasuk produk terlarisnya iaitu pencuci serbaguna yang boleh digunakan untuk mencuci, membunuh kuman dan menyahbau ruang dalam rumah dan perabot.

Selain itu, antara produk Ciera yang lain termasuk spray pencuci pelbagai guna, pencuci badan dan produk penjagaan bayi di bawah jenama Ciera Junior.

Mohd Ramdan berkata, semua produk keluarannya boleh didapati di kebanyakan pasar raya besar di seperti Tesco, Giant dan juga di platform dalam talian, Shopee.

> Daripada jalinan kerjasama itu, kami menghantar pelan perniagaan kepada MTDC untuk penilaian mereka dan seterusnya berjaya memperoleh dana bernilai RM1.038 juta yang diberikan secara berperingkat. Kami menggunakan dana berkenaan untuk menghasilkan produk pencuci serbaguna dengan teknologi anti-bakteria dari ekstrak aloe vera dan teh hijau"
>
> ***Mohd Ramdan Parman,***
> Ketua Eksekutif Nature Profusion

Mengulas mengenai sasaran yang ditetapkan untuk tahun ini, Mohd Ramdan berkata, pihaknya mahu memberi tumpuan untuk meneroka segmen industri berbanding runcit.

"Saya menyasar untuk membekalkan produk Ciera kepada lebih 500 hingga 600 premis di sekitar Lembah Klang dan juga Melaka.

Katanya, pada masa ini pihaknya sudah membekalkan produk berkenaan ke beberapa agensi kerajaan dan hospital.

## Kembang perniagaan

"Saya berharap kami dapat mengembangkan perniagaan dengan meneroka segmen industri dengan lebih agresif tahun ini. Pendedahan mengenai penggunaan bahan cucian pelbagai guna berasaskan alami lebih tinggi dalam sektor industri berbanding sektor pengguna runcit.

"Malah, kerajaan juga sudah mengeluarkan polisi *Green Procument* yang mana ia merujuk kepada perolehan produk, perkhidmatan atau kerja yang perlu mengambil kira kriteria persekitaran dan standard untuk melindungi persekitaran daripada kesan negatif.

"Justeru, saya melihat segmen industri menawarkan potensi yang lebih baik untuk syarikat ini," katanya.

**Info**

- **Nama:** Mohd Ramdan Parman
- **Jawatan:** Ketua Eksekutif Nature Profusion Sdn Bhd
- **Umur:** 34 tahun
- **Pendidikan:** Ijazah Sarjana Muda Sains University of Otago, New Zealand
- **Asal:** Pulau Pinang




***Sebahagian** Produk jenama Ciera yang dipasarkan Nature Profusion.*

Powered by: iSENTIA